

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang 221302 – Rakaman atau 221303 – Fotografi** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut :-

<b>NO. SEBUT HARGA</b>	:	<b>PSUKPP BIL. 52/2013</b>
<b>TAJUK SEBUT HARGA</b>	:	<b>Mengambil Gambar Penerima Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Negeri Pulau Pinang Tahun 2013</b>
<b>TARIKH DIBUKA</b>	:	<b>7 Jun 2013</b>
<b>TARIKH TUTUP</b>	:	<b>21 Jun 2013 (Jam 12:00 tengah hari)</b>
<b>TEMPOH SAH</b>	:	<b>90 HARI (21 SEPTEMBER 2013)</b>

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan e-Perolehan Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan e-Perolehan boleh mendapatkan borang sebut harga melalui laman web e-Perolehan.

3. Borang tawaran yang telah lengkap diisi beserta profil syarikat dan maklumat pengalaman serta salinan sijil Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga **PSUKPP 52/2013** di Bahagian Dewan Undangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, **Paras 49 KOMTAR**, Pulau Pinang pada atau sebelum jam

12.00 tengah hari pada **21 Jun 2013**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana tawaran.

## SPESIFIKASI

1.1 Jumlah penerima DKBP NPP adalah dianggarkan seramai 1250 orang.

1.2 Saiz

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>Saiz</b>
1	Gambar 3R	3 1/2 " x 5"
2	Gambar 5R	5" x 7"
3	Gambar 6R	6" x 8"
4	Gambar 8R	8" x 10"
5	Gambar 11R	11" x 14"
6	Gambar 16R	16" x 20"
7	Gambar 20R	20" x 24"

1.3 Bayaran

Bayaran bagi setiap keping gambar yang diambil dan diproses akan dicajkan kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Pulau Pinang berdasarkan kepada harga tawaran yang telah dipersetujui. Urusan tempahan dan bayaran adalah diantara pembekal yang berjaya dengan penerima berkenaan.

1.4 Sumbangan

Pembekal dimestikan menawarkan bayaran sumbangan kepada Kerajaan Negeri sebagai pulangan hasil atas penggunaan ruang dewan dan utiliti yang disediakan.